

Akhbar Transisi UUM Agih Bubur Lambuk

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 30 Ogos 2010 16:31

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

30 OGOS 2010/20 RAMADAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Akhbar Transisi UUM Agih Bubur Lambuk

Oleh: Syairah Sa'adun

Gambar : Zamarizul Salleh



Sekitar pengedaran bubur lambuk dan akhbar Transisi di Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah.

UUM ONLINE: Akhbar Transisi terbitan Universiti Utara Malaysia (UUM) mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai di sekitar Pekan Rabu Alor Setar, di sini, petang kelmarin.

Ketua Pengarang akhbar itu Zian Johari bersama beberapa kakitangannya mengedarkan 500 bungkus bubur lambuk dan akhbar Transisi keluaran ketujuhnyanya mulai jam 3.30 petang.

Seorang peniaga, Salwa Ismail, 33, yang mendapatkan bubur lambuk dan akhbar itu ketika ditemui berkata, dia bukan sahaja dapat bubur lambuk secara percuma tetapi mendapat akhbar yang berilmu.